



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AL-ISTI'ARAH DALAM NOVEL AL-ZIKRAYAT
KARYA 'ALI AL-TANTAWI BERDASARKAN
TEORI RELEVAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SITI HAFIZAH AIYSHAH BINTI MOHD ALI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AL-ISTI'ARAH DALAM NOVEL *AL-ZIKRAYAT* KARYA 'ALI AL-TANTAWI
BERDASARKAN *TEORI RELEVAN*

SITI HAFIZAH AIY SHAH BINTI MOHD ALI

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1



Sila tanda (✓)

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 8 (hari bulan) Mac (bulan) 2022

i. Perakuan pelajar:

Saya, Siti Hafizah Aiyshah binti Mohd Ali, M20191000723, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Al-Isti'arah dalam Novel Al-Zikrayat Karya 'Ali Al-Tantawi Berdasarkan Teori Relevan adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Taj Rijal bin Muhamad Romli (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Al-Isti'arah dalam Novel Al-Zikrayat Karya 'Ali Al-Tantawi Berdasarkan Teori Relevan (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera Bahasa Arab (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

8 Mac 2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AL-ISTI'ARAH DALAM NOVEL AL-ZIKRAYAT KARYA 'ALI AL-TANTAWI
BERDASARKAN TEORI RELEVAN

No. Matrik / Matrics No.: M20191000723

Saya / I: SITI HAFIZAH AIYSHAH BINTI MOHD ALI
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / **Please tick (✓) for category below:-**

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

[Signature]

(Tandatangan Pelajar/ **Signature**)

[Signature]

Dr. Taj Rijal Bin Muhamad Romli
Ketua Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tg. Malim, Perak Darul Ridzuan

(Tandatangan Penyelia / **Signature of Supervisor**)
& (Nama & Cop Rasmi / **Name & Official Stamp**)

Tarikh: 8 Mac 2022

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan sujud syukur kepada Allah S.W.T sekian alam di atas segala nikmat dan rahmatnya sehingga saya berjaya menyelesaikan tesis ini. Seterusnya, selawat salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, manusia pilihan yang menjadi contoh terbaik untuk umatnya di samping seorang yang fasih dalam berbahasa Arab . Seterusnya, seluruh ahli keluarga dan para sahabat Baginda S.A.W.

Seterusnya, saya amat berbesar hati untuk mengucapkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Taj Rijal bin Muhamad Romli selaku penyelia bimbingan saya sepanjang penulisan tesis ini dijalankan. Sesungguhnya segala sokongan padu, bimbingan, nasihat, tunjuk ajar, sumbangan idea dan masa yang telah ditaburkan amatlah saya hargai dan sentiasa menjadi sumber inspirasi dalam membakar semangat saya dalam penulisan tesis ini.

Kemudian, saya ingin mengungkapkan sekalung penghargaan terima kasih kepada kedua orang tua saya yang banyak memberi dorongan, semangat dan nasihat kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Selain itu juga, saya ingin berterima kasih juga kerana banyak menghulurkan sumbangan terutamanya sumbangan dari segi kewangan kepada saya supaya kajian ini berjalan dengan lancar. Seterusnya, tidak lupa juga kepada adik beradik saya yang banyak membantu saya menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya segala sokongan moral daripada mereka dapat menguatkan semangat saya dalam menyiapkan tesis ini.

Disamping itu, tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat saya Faridatun, Najwa dan Najlaa yang telah banyak menyumbangkan idea, tenaga, panduan dan nasihat yang amat berharga secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang tesis ini dijalankan. Selain itu juga, terima kasih yang tidak terhingga kerana banyak meluangkan masa bersama-sama saya menyiapkan tesis ini. Dengan bantuan yang disumbangkan, ia dapat meningkatkan lagi semangat saya dalam penulisan tesis ini.

Akhir sekali, saya berharap semoga Allah S.W.T memberi rahmat dan ganjaran yang setimpal kepada mereka di atas segala bakti dan jasa baik yang ditaburkan. Firman Allah S.W.T yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasulNya dan mengerjakan amal shalih, bagi mereka balasan baik yang paling besar. Sesungguhnya Kami tidak menyia-nyiakan pahala-pahala mereka, dan tidak pula mengurangnya atas kebajikan yang mereka perbuat sebaik-baiknya": surah al-kahfi ayat 30.



ABSTRAK

Kajian ini berkaitan analisis penggunaan *al-isti'arah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali Al-Tantawi. Kajian ini bertujuan untuk meneliti makna sebenar gaya bahasa *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* yang disampaikan oleh 'Ali al-Tantawi dalam penulisan beliau serta menganalisis *musyabbah* dan *musyabbah bih* yang dibuang dalam penggunaan ayat tersebut. Untuk memperoleh hasil dapatan kajian ini setiap kategori *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dianalisis menerusi gaya bahasa yang difahami iaitu menzahirkan makna tersirat. Kajian ini menggunakan teks jilid pertama daripada lapan jilid keseluruhannya sebagai data kajian. Metode kajian ini ialah kajian kepustakaan dengan menganalisis dua jenis *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* untuk dijadikan model kefahaman makna tersirat. Analisis berdasarkan *teori relevan* sebagai panduan untuk mengesan gaya bahasa *al-isti'arah* dan mencari makna sebenar. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dan data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Kajian ini menganalisis 12 data kajian yang merupakan data *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* yang diperoleh sepanjang analisis dilakukan. Hasil analisis kajian menunjukkan beberapa penggunaan *al-isti'arah* dalam novel tersebut yang terdiri daripada enam sampel *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan enam sampel *al-isti'arah al-makniyyah*. Secara umum dapat digambarkan bahawa 'Ali Al-Tantawi banyak menggunakan gaya bahasa *al-isti'arah* dan kiasan dalam penceritaannya. Hampir setiap helaian beliau menggunakan konsep *al-isti'arah* seperti pinjaman watak bandar yang berjalan dalam cerita *manusia* dibandingkan dengan *bandar dan sejarah*, sifat *agama Islam* disamakan dengan *benang*, sifat *manusia* dipinjamkan kepada *kehidupan*, *tonggak* seperti *pemimpin* dan *jalan* diumpamakan seperti *mangkuk yang diisi dengan air*. Kajian ini mampu memberi pengetahuan dan kefahaman yang lebih terperinci berkaitan *al-isti'arah* kepada pembaca dalam memahami makna bahasa yang tinggi.





THE USE OF *AL-ISTI'ARAH* IN THE NOVEL *AL-ZIKRAYAT* WRITTEN BY 'ALI AL - TANTAWI BASED ON THE *RELEVANT THEORY*

ABSTRACT

This study analyzes the use of *al-isti'arah* in the novel *al-Zikrayat* by 'Ali Al-Tantawi. It aims to analyze the most relevant and intended meanings of the language styles used in the writings of *al-isti'arah al-tasrihiyyah* and *al-isti'arah al-makniyyah* by Ali al-Tantawi. It also aims to analyze the *musyabbah* and *musyabbah bih* that has been obliterated from the sentences formed. In obtaining the findings of this study, each categories of *al-isti'arah al-tasrihiyyah* and *al-isti'arah al-makniyyah* were analyzed using the inferred linguistic styles which manifests on the implicit meanings of the writings. Out of the eight volumes of the novel, only the first volume was used as the main data of this study. The research methodology employed in this study includes the analysis of literature reviews on *al-isti'arah al-tasrihiyyah* and *al-isti'arah al-makniyyah* as its main foundation to understand the implied meanings. Relevance Theory was used as a guide to explore the intended meanings as well as the linguistic styles used in *al-isti'arah*. A qualitative research design was applied in this study where the data were analyzed using inferences and descriptive methods. A total of 12 research data were studied upon which were mainly obtained through the analysis of *isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah*. The findings of the analysis conducted revealed several usage of *al-isti'arah* in the novel which consisted of six samples of *al-isti'arah al-tasrihiyyah* and six samples of *al-isti'arah al-makniyyah*. In essence, it could be seen that 'Ali Al-Tantawi employed implied meanings and *al-isti'arah* linguistic styles quite frequently in his storytelling. The use of *al-isti'arah* is visibly present in almost every single page of the novel. This is as seen in (1) the adaptation of a city character who walks in the stories of *humans* in comparison to *cities and histories*, (2) the characteristics of *Islam* which were made equivalent to a *thread*, (3) the characteristics of humans that were given to *life*, and (4) the milestones of the *leaders* and *roads* that were likened to a *bowl of water*. This research has the potential to provide its readers a more in-depth knowledge and understanding of matters regarding *al-isti'arah* to understand the advanced and deeper meaning of the language.





KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI	iii
---	-----

PENGHARGAAN	v
--------------------	---

ABSTRAK	vi
----------------	----

ABSTRACT	vii
-----------------	-----

KANDUNGAN	viii
------------------	------

SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xiv
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xv
--------------------------	----

SENARAI LAMPIRAN	xvi
-------------------------	-----

JADUAL TRANSLITERASI	xvii
-----------------------------	------

BAB 1	1
--------------	---

Pengenalan	1
-------------------	---

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Pernyataan Masalah	4
-----	--------------------	---

1.3	Latar Belakang Kajian	6
-----	-----------------------	---

1.4	Objektif Kajian	11
-----	-----------------	----

1.5	Persoalan Kajian	11
-----	------------------	----



1.6	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.7	Definisi Pengoperasian	16
1.7.1	<i>Al-isti'arah</i>	16
1.7.2	<i>Teori Relevan</i>	22
1.7.3	Kesusasteraan	24
1.7.4	Pendekatan Intrinsik	26
1.7.5	Prosa	27
1.7.6	Semiotik	28
1.7.7	Figuratif	29
1.7.8	Implisit	30
1.8	Batasan Kajian	32
1.9	Kepentingan Kajian	34
1.10	Rumusan	37

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	39
2.2	Latar Belakang	40
2.2.1	<i>Al-isti'arah</i>	40
2.2.2	<i>'Ali al - Tantawi</i>	44
2.3	Jenis <i>Al-isti'arah</i>	51
2.3.1	Jenis-Jenis <i>Al-isti'arah</i>	62
2.3.2	Rukun-Rukun <i>Al-isti'arah</i>	62
2.4	Teori	66
2.4.1	Definisi <i>Teori Relevan</i> dalam <i>Al-isti'arah al-Tasrihiyyah</i> dan <i>Al-isti'arah al-Makniyyah</i>	76

2.5	Kajian Lepas	78
2.5.1	<i>Al-isti'arah al-Tashrihiyyah</i> dan <i>Al-isti'arah al-Makniyyah</i> dalam Puisi dan Syi'ir	78
2.5.2	<i>Al-isti'arah</i> dalam al-Quran	80
2.5.3	Analisis <i>Al-isti'arah</i> dalam Surah	81
2.5.4	<i>Al-isti'arah</i> dalam Pidato Khulafa Ar-Rasyidin	83
2.5.5	<i>Al-isti'arah</i> Dalam Bait-Bait Syair	84
2.5.6	Majaz <i>Al-isti'arah</i> dan Manfaatnya Dalam Novel Gadis Jakarta Karya Najib Kailani	86
2.5.7	Pengekalan Gaya Bahasa Melayu dalam Terjemahan <i>Al-isti'arah</i>	87
2.5.8	Sighu <i>Al-isti'arah</i> al - Basoriyah Fi al - Di 'ayah	88
2.5.9	<i>Al-isti'arah</i> Wal Majaz Mursal Lil Sayyid Ahmad Bin Zaini Dahlan	88
2.5.10	<i>Al-isti'arah</i> Fi al - Fikr al - Balaghi al - 'Arab i al -Hadis Min al - Abdaliyyah ilal Tafa 'uliyyah (Dirasah Tahliliyyah Maqdiyyah)	89
2.5.11	Penggunaan Metafora Orientasi dalam Quran: Sebuah Pendekatan Semantik Kognitif.	90
2.6.	Rumusan	91
BAB 3		93
METODOLOGI KAJIAN		93
3.1	Pendahuluan	93
3.2	Reka Bentuk Kajian	93
3.3	Persampelan	95

3.4	Pengumpulan Data	101
3.4.1	Kajian Kepustakaan	101
3.5	Analisis Data	102
3.5.1	Analisis Data <i>Al-isti'arah</i>	105
3.6	Kerangka Teoritikal Kajian	106
3.7	Rumusan	109
BAB 4		110
DAPATAN KAJIAN		110
4.1	Pendahuluan	110
4.2	Perbincangan Dapatan Kajian	111
4.2.1	Kategori-kategori <i>al-isti'arah</i> dalam novel <i>al-Zikrayat</i> karya 'Ali al - Tantawi.	114
4.2.2	Makna tersirat <i>al-isti'arah</i> dalam novel <i>al-Zikrayat</i> karya 'Ali al - Tantawi.	122
4.2.3	Perbezaan bertentangan antara <i>al-isti'arah al-tasrihiyyah</i> dan <i>al-isti'arah makniyyah</i> dalam novel <i>al-Zikrayat</i> karya 'Ali al-Tantawi	198
4.3	Rumusan	202
BAB 5		204
RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN KAJIAN		204
5.1	Pendahuluan	204
5.2	Rumusan Kajian	205
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	207
5.3.1	Kategori-kategori <i>al-isti'arah al-tasrihiyyah</i> dan <i>al-isti'arah al-makniyyah</i> yang terdapat dalam novel <i>al-Zikrayat</i> karya 'Ali al - Tantawi	207

5.3.2	Makna tersirat dalam penggunaan <i>al-isti'arah</i> oleh 'Ali al - Tantawi dalam novel <i>al-Zikrayat</i>	210
5.3.3	Perbezaan antara <i>al-isti'arah al-tasrihiyyah</i> dan <i>al-isti'arah al-makniyyah</i> dalam novel <i>al-Zikrayat</i> karya 'Ali al – Tantawi	211
5.4	Implikasi Kajian	212
5.5	Cadangan Kajian	214
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	218
5.7	Rumusan	220
	RUJUKAN	221
	LAMPIRAN	229
	Lampiran A: Novel <i>Al-Zikrayat</i> karya 'Ali al -Tantawi	229
	Lampiran B: Borang Lantikan Sebagai Pakar Penilai	240

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.3 (a)	Kategori-Kategori <i>Al-isti'arah Al-tasrihiyyah</i> dan <i>Al-isti'arah Al-makniyyah</i> dalam Novel <i>Al-Zikrayat</i> Karya 'Ali Al-Tantawi	97-98
3.3 (b)	Sampel <i>Al-isti'arah Al-tasrihiyyah</i> dan <i>Al-isti'arah Al-tasrihiyyah</i>	99
4.2	Perbezaan <i>Al-isti'arah Al-tasrihiyyah</i> dan <i>Al-isti'arah Al-makniyyah</i>	111
4.2.1 (a)	<i>Komponen-Komponen Al-isti'arah Al-tasrihiyyah</i> dan <i>Al-makniyyah</i>	115-117
4.2.1 (b)	Kategori-Kategori <i>Al-isti'arah Al-tasrihiyyah</i> dan <i>Al-isti'arah Al-makniyyah</i> yang telah Digugurkan	118-119
4.2.3	Penggunaan Sebutan Gaya Bahasa yang Bertentangan antara Kategori-Kategori <i>Al-isti'arah Al-tasrihiyyah</i> dan <i>Al-Isti'arah Makniyyah</i>	198-199
5.3.1	Kategori-Kategori <i>Al-isti'arah Al-tasrihiyyah</i> dan <i>Al-isti'arah Al-makniyyah</i> dalam Novel <i>Al-Zikrayat</i> Karya 'Ali Al-Tantawi	207
5.5.1	Kategori-Kategori <i>Al-isti'arah Al-tasrihiyyah</i> dan <i>Al-isti'arah Al-makniyyah</i> yang telah Digugurkan	214-215



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	13
2.3.1 Bentuk Gaya Bahasa <i>Al-Isti'arah</i>	52
2.3.2 Rukun Gaya Bahasa <i>Al-Isti'arah</i>	65
3.2 Reka Bentuk Perbandingan Antara <i>Al-isti'arah Al-tasrihiyyah</i> dan <i>Al-isti'arah Al-makniyyah</i>	95
3.6 Kerangka Teoritikal Kajian	108
4.2.3 Penggunaan)Kata Nama(الاسم dan)Kata Kerja(الفعل dalam Kategori <i>Al- Isti'arah Al-Tasrihiyyah</i> dan Kategori <i>Al-isti'arah Al-makniyyah</i>	200



SENARAI SINGKATAN

NPS	(Non-Probability Sampling)
UPSI	(Universiti Pendidikan Sultan Idris)
ITBM	(Institut Terjemahan & Buku Malaysia)
KFIP	(King Faisal International Prize)

SENARAI LAMPIRAN

A	Halaman Judul
B	Perakuan Keaslian
C	Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
D	Halaman Penghargaan
E	Halaman Abstrak
F	Halaman <i>Abstract</i>
G	Halaman Kandungan
H	Halaman Senarai Jadual
I	Halaman Senarai Rajah
J	Halaman Senarai Singkatan

**JADUAL TRANSLITERASI**

Huruf Arab	Huruf Rumi
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h/H
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sy
ص	ṣ/Ş
ض	ḍ/Đ
ط	ṭ/Ṭ
ظ	ẓ/Ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n





و	w
ھ	h
ء	'
ي	y
ة	t
ا	a
ي	i
ا	u
ا	ā/Ā
ي	ī/Ī
و	ū/Ū
ي	ay
و	aw



BAB 1

PENGENALAN

Bab ini menceritakan tentang latar belakang kajian yang menggambarkan secara keseluruhan dalam kajian ini iaitu kajian melibatkan *al-isti'arah* yang menggunakan *novel al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi untuk dijadikan bahan pengumpulan data. Justeru, kajian ini juga mendasarkan suatu teori iaitu *Teori Relevan* yang berfungsi sebagai panduan untuk mengesan penggunaan gaya bahasa yang digunakan itu betul-betul relevan.

Seterusnya, dalam bab ini menceritakan tentang pernyataan masalah. Selain itu pengkaji juga membincangkan tentang persoalan kajian, konsep kajian, kerangka konseptual kajian dan definisi setiap istilah yang digunakan dalam kajian ini seperti bentuk kesusasteraan, intrinsik, prosa, semiotik, figuratif dan implisit. Setiap istilah ini akan diterangkan aspek-aspeknya yang berkaitan dalam kajian ini. Akhir sekali, bab ini



juga menceritakan tentang batasan kajian, kepentingan kajian dan diakhiri dengan rumusan.

Kajian terhadap karya sastra Arab merupakan perkara yang agak rumit untuk difahami oleh sebuah karya tersebut yang merangkumi penggunaan gaya bahasa dan mempunyai keistimewaan-keistimewaan teks itu tersendiri. Sungguhpun demikian, perkara ini masih boleh diketengahkan dan dapat memberi manfaat yang besar kepada bidang bahasa dan sastra jika kajian ini hanya tertumpu kepada satu aspek sahaja iaitu aspek penggunaan bahasa. Seperti yang diketahui, penggunaan bahasa bagi sesuatu bangsa itu menjadi semakin luas mengikut etnik setiap individu itu tersendiri. Oleh itu Ashiqin (2015) mengatakan bahawa bahasa mengandungi maksud yang tersurat dan tersirat. Untuk memahami dan menyampaikan sesuatu maklumat memang mudah akan tetapi untuk mengembangkan sesuatu makna tersebut agar difahami oleh semua individu adalah sukar. Hal yang demikian, ia memerlukan suatu kebolehan yang kritis supaya dapat menggambarkan setiap makna yang ingin disampaikan dalam karya kesusasteraan itu betul-betul relevan.

Justeru itu, karya sastra merupakan satu produk masyarakat dalam bidang kebudayaan. Sastra merupakan saksi budaya yang dapat terus dikembangkan. Kehadiran sastra di tengah perkembangan teknologi merupakan tentangan yang besar, di mana sastra harus memberi jalan inspirasi buat kehidupan nyata (Nursida, 2018). Oleh itu, sastra merupakan satu medium Bahasa yang dapat dikaitkan dengan masyarakat sekitar. Dengan wujudnya sastra dalam kehidupan masyarakat ia dapat memberi gambaran kepada kehidupan mereka. Sehubungan dengan itu, karya kesusasteraan ini juga dapat membuka minda para pendengar dan pembaca dalam mengenal ulama' Arab yang berkaitan karya kesusasteraan ini.



Lantaran itu, karya sastra sama ada prosa atau puisi menyampaikan unsur cerita yang kompleks dan mengajak khalayak untuk menganalisis serta menafsirkan makna yang terpaut erat dengan pengalaman manusia (Fauzi, Marlina, & Madiawati, 2019). Karya sastra bukan hanya mencatat tetapi ia merupakan satu perbuatan menganalisis mengenai gerak geri kehidupan manusia. Sementara itu, karya sastra merupakan wadah yang amat terpengaruh dalam pemikiran masyarakat dan karya sastra memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia. Perkara ini dapat ditegaskan apabila Haji Salleh (2000) mengatakan:

"walau betapa canggihnya tamadun sesuatu bangsa itu ia memerlukan sastra untuk merakam kehidupannya, menggalurkan lorong dan arahnya, dan mengharapkan sasterawan untuk memberi pendapat tentangnya. Pengarang adalah penyumbang penting yang dapat memberikan imbangan bukan sahaja kepada dunia seseorang atau sesebuah negara tetapi juga kepada individu pembaca yang sering sesat dalam dunia rumit".

Senario sebegini dilihat amat relevan apabila melihat kepada dunia pengarang 'Ali al-Tantawi yang begitu kreatif pemikiran beliau dalam mendeskripsikan gaya Bahasa dalam novel yang menceritakan perjalanan hidup beliau dari dewasa hingga meninggal dunia. Hidupnya penuh dengan karya-karya kesusasteraan bahkan telah menerbitkan novel kesusasteraan dalam kehidupan beliau.

Di samping itu, Bangsa Arab merupakan masyarakat yang gemar menggunakan bahasa kiasan yang tinggi. Hal ini dapat dibuktikan dengan apabila wujudnya novel dalam bahasa sastra yang bernilai tinggi daripada sastra Arab yang suka menggunakan bahasa kiasan dalam pertuturan mereka. Penterjemahan makna kiasan berkembang mengikut peredaran zaman. Seiring dengan perkembangannya, penterjemahan makna kiasan tersebut muncul dengan pelbagai macam ragam yang

sesuai dengan latar belakangnya. Perbezaan penterjemahan makna kiasan itu bergantung kepada topik yang telah dibahaskan. Ketinggian bahasa sastra yang digunakan memberi peluang munculnya penterjemahan yang berlainan dalam sesuatu ayat.

Salah satu konsep yang menarik untuk dibincangkan dalam kajian sastra ialah konsep *al-isti'arah*. *Al-isti'arah* merupakan salah satu bahagian *Uslub* atau gaya bahasa yang terdapat dalam ilmu *Balaghah*. Gaya bahasa ini mendapat tempat tumpuan paling utama dalam aspek perbincangan bidang *Balaghah*. Kepentingan gaya bahasa ini tidak mampu disangkal oleh pembaca kerana penggunaannya begitu ketara dalam teks-teks sastra.

1.2 Pernyataan Masalah

Seperti yang sedia maklum, '*Ali al - Tantawi* merupakan seorang tokoh yang terkenal dalam bidang *Balaghah* Arab khususnya. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan wujudnya karya beliau mengenai *al-isti'arah* yang telah dikaji oleh pengkaji.

Terdapat banyak kajian mengenai *al-isti'arah* akan tetapi ia berkaitan dengan kajian yang menjurus kepada *al-isti'arah* dalam al-Quran dan sebagainya. Namun begitu, kajian mengenai *al-isti'arah* dalam novel *al-Zikrayat* karya '*Ali al - Tantawi* kurang mendapat pembahasan secara zahirnya dari sudut pandangan ilmiah. Justeru, pengkaji membahaskan *al-isti'arah* dalam novel ini untuk membuat kajian yang lebih mendalam.

Hal yang demikian, pengkaji cuba meneroka mengenai *al-isti'arah* yang terdapat di dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi. Tujuan ini adalah untuk mengkaji sejauh manakah rahsia ilmu *al-isti'arah* yang terdapat di dalam novel tersebut. Justeru persoalan yang menyangkut tentang kehidupan manusia tentunya tidak terlepas dalam lingkungan perbincangan sebagaimana ditegaskan oleh Rahim (2010) bahawa hubungan karya dengan khalayaknya sangat intim dan pemaparan fenomena sosial dalam sesebuah karya adalah sesuatu yang relevan dalam konteks berkreatif.

Di samping itu, tajuk kajian ini harus dikaji berasaskan kepada pernyataan bahawa sepanjang pemerhatian masih kurang yang mengkaji *al-isti'arah* dengan berpandukan novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi. Apabila wujudnya pernyataan sebegini, para pembaca di masa akan datang bakal mengembangkan lagi tajuk kajian ini dengan lebih terperinci dan meluas. *Al-isti'arah* merupakan nadi ilmu bagi ilmu *Balaghah*. Sekiranya kita menguasai ilmu *al-isti'arah* dengan baik, seolah-olah kita sudah memahami ilmu *Balaghah* secara keseluruhannya. Seterusnya *Balaghah* juga ialah sebuah kematangan penutur dalam menyampaikan pelbagai maksud dengan ciri-ciri yang sempurna dalam susunan kata yang sesuai (al-Sakkaky, 555 H - 626 H).

Oleh itu, kajian ini cuba mengkaji *al-isti'arah* yang terdapat dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi tentang Kehidupan Dunia kerana dalam kajian kepustakaan ini didapati bahawasanya tajuk yang dipilih masih belum diterokai oleh sesiapa pun.

1.3 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian merupakan salah satu subtopik terpenting yang harus ada dalam setiap kajian. Hal ini kerana, latar belakang kajian merupakan sebuah gambaran yang menyeluruh dan jelas mengenai latar belakang kajian yang akan dilaksanakan. Selain itu, latar belakang kajian ini juga perlu kerana apabila para pembaca membaca kajian ini, kebanyakannya mereka akan membaca latar belakang terlebih dahulu dan ia merupakan salah satu faktor yang sangat penting untuk menarik minat dan penetapan standard kepada penilai dan pembaca.

Justeru itu, bahasa merupakan alat untuk berkomunikasi sesama manusia. Penggunaannya memudahkan dalam segi penyampaian, penerangan dan pemahaman. Selain itu, bahasa juga merupakan suatu sistem bunyi yang digunakan oleh beberapa kumpulan tertentu untuk memastikan matlamat mereka tercapai. Antara bahasa terpenting yang perlu diketahui oleh masyarakat ialah bahasa asing. Hal ini kerana dengan mempelajari bahasa asing, ia memudahkan individu untuk berhubung atau berkomunikasi dengan orang lain. Selain itu juga, ia dapat memperoleh lebih banyak ilmu pengetahuan dan dapat membantu menambah keyakinan diri individu. Selain itu, ia juga dapat membantu individu supaya mudah memahami budaya asing.

Pentingnya mempunyai kemahiran dalam menguasai bahasa asing kerana ia dapat memudahkan komunikasi atau perhubungan dengan orang yang berlainan bangsa selain ia juga dapat dijadikan jambatan kepada setiap persefahaman yang ingin dilaksanakan. Jelaslah bahawa dengan menguasai bahasa asing, amat mudah kepada individu untuk bertukar pendapat antara satu sama lain. Suatu penyampaian atau komunikasi yang berkesan adalah apabila seseorang itu mampu menyampaikan beserta memahami pendengar tentang apa yang ingin disampaikan dengan tepat dan jelas.

Kebiasaannya masyarakat senang untuk memahami sesuatu bahasa itu apabila bahasa itu sering digunakan dalam kehidupan seharian.

Bahasa dapat dikaji dari dua aspek, iaitu hakikatnya dan fungsinya. Aspek pertama iaitu hakikat bahasa. Hakikat bahasa dapat dikaji oleh ahli-ahli linguistik (Devianty, 2017). Ahli linguistik memainkan peranan penting dalam memahami pertuturan Bahasa. Secara umumnya, Bahasa merupakan satu sistem pengisyaratan (semiotik) yang mengandungi isyarat dan hubungan antara unsur-unsur isyarat. Seterusnya, menurut Devianty (2017) juga, aspek kedua dari bahasa ialah fungsinya. Fungsi bahasa yang paling penting ialah untuk komunikasi, iaitu alat pergaulan dan perhubungan sesama manusia. Dengan adanya komunikasi, ia dapat membuka ruang kepada manusia untuk bersosial dan merapatkan hubungan yang erat dengan masyarakat. Justeru itu, jika manusia tidak bersosial dengan masyarakat maka tidak akan wujudnya komunikasi. Bahasa mempunyai keindahan yang tersendiri.

Ilmu pengetahuan yang terdapat di dunia ini ditulis dalam pelbagai bahasa, khususnya bahasa Arab. Sebagai contoh, untuk memantapkan pengetahuan dalam bidang agama, seseorang itu mestilah wajib menguasai bahasa Arab kerana ia merupakan bahasa kitab suci al-Quran. Dengan penguasaan tersebut, mereka dapat berkongsi ilmu pengetahuan yang diperoleh kepada masyarakat setempat bagi mendapat manfaat bersama-sama. Selain itu, bahasa Arab adalah bahasa yang digunakan oleh bangsa-bangsa Arab atau penduduk semenanjung Arab dari Teluk Parsi sampai laut Atlantik yang mana dalam sejarahnya, dialek Quraisy yang dipergunakan oleh kaum bangsawan Quraisy sebagai kabilah Nabi Muhammad S.A.W sangat berpengaruh dan dominan dalam perkembangan bahasa itu.



Selain itu juga, bahasa Arab merupakan bahasa kaum muslimin yang merupakan bahasa yang dipengaruhi oleh Nabi dan Rasul sejak dahulu lagi. Justeru itu, penggunaan bahasa Arab masih hidup sehingga kini malah lebih berkembang di pelusuk dunia kerana ramai kaum muslimin yang menggunakan bahasa Arab terutamanya di Malaysia hingga ramai individu yang menceburi bidang bahasa Arab (Roslan, Nor, Wahid & Abdulsoma, 2017).

Oleh yang demikian, dengan wujudnya keindahan-keindahan ayat yang terkandung dalam ilmu bahasa Arab, maka munculnya kitab-kitab seperti *Balaghah*, *Nahu Saraf*, *Tauhid*, *Hadis* dan sebagainya dalam bahasa Arab. Kitab-kitab ini telah ditulis oleh para ulama' Arab dan ia berkembang di serata dunia terutamanya di Malaysia. Oleh itu, munculnya kitab-kitab tersebut dalam terjemahan bahasa Melayu kerana telah diterjemahkan oleh para ulama' di Malaysia. Antara kitab-kitab tersebut, *Balaghah* merupakan kitab yang memainkan peranan penting dalam penggunaan bahasa kerana dalam ilmu *Balaghah* itu munculnya keindahan-keindahan bahasa di dalamnya (Roslan et al., 2017).

Pada awalnya, ilmu *Balaghah* masih tidak terperinci pembahagiannya kerana saling bercampur baur antara satu sama lain. Kemudian barulah dibahagikan setiap pembahagiannya pada zaman *as-Sakaki*. Melalui pembahagian tersebut, ilmu *Balaghah* telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu ilmu *Ma'ani*, ilmu *Bayan* dan ilmu *Badi'* (Roslan et al., 2017). Di antara ketiga-tiga ilmu ini, ilmu *Bayan* merupakan ilmu yang banyak bermain dengan sistem bahasa. Salah satunya ialah *al-isti'arah* yang merupakan unsur teristimewa dalam ilmu tersebut. *Al-isti'arah* banyak bermain dengan pinjaman bahasa yang kadangkala menjadikan pembaca harus berkhayal tinggi dalam menafsirkan setiap penggunaan ayat dalam unsur tersebut.





Justeru itu, dalam bab *al-isti'arah* terdiri dari dua kategori iaitu *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dan lebih terperinci lagi *al-isti'arah* merupakan satu penyebutan yang telah dibuang *musyabbah* dan *musyabbah bih* dalam sesuatu ayat. Walaupun telah dibuang *musyabbah* dan *musyabbah bih* dalam sesuatu ayat, tetapi pembaca dapat memahami makna sebenar yang ingin disampaikan kerana ia memberi gambaran yang jelas tentang perkara yang ingin disampaikan tersebut. Oleh itu, *al-isti'arah* banyak diguna pakai oleh para ulama' Arab dalam penulisannya seperti cerpen, puisi, novel dan sebagainya.

Salah satu penulisan yang menarik dan banyak dikarang oleh ulama' Arab adalah dalam novel. Novel merupakan sebuah teks penceritaan yang telah di deskripsikan oleh manusia berdasarkan pengalaman hidup mereka atau keadaan sekelilingnya. Novel juga merupakan sebuah penceritaan yang berbentuk prosa. Ia merupakan sebuah prosa cerita yang panjang dan menceritakan kisah hidup manusia pada sesuatu tempat dan dalam suatu masa tertentu untuk melahirkan satu persoalan kehidupan yang menarik. Novel merupakan sebuah cerita yang diminati oleh pembaca kerana di dalamnya banyak mengandungi unsur khayalan. Demikian itu, pengarang novel banyak menggunakan unsur gaya bahasa kiasan dalam novel kerana pengarang tersebut memiliki ilmu dan kefahaman yang tinggi dalam berkias. Penggunaan gaya bahasa kiasan ini dapat menarik perhatian pembaca di samping dapat mencari makna sebenar disebalik ujaran perkataan kiasan tersebut.

Penggunaan gaya bahasa kiasan ini dapat ditegakkan lagi apabila munculnya satu teori yang mengemukakan bahawa *Balaghah* merupakan bahasa yang unik dan penuh dengan gaya bahasa kesusasteraan. Menurut Azhar, Hafiz, Bushrah, Kamarul & Sulaiman (2007) kefahaman dan kesusasteraan Arab akan memudahkan seseorang



memahami maksud sesuatu struktur ayat dan gaya bahasa yang digunakan dalam ayat tersebut kerana ilmu *Balaghah* seiring dengan perkembangan bahasa Arab di Malaysia. *Balaghah* Arab telah memberi impak yang besar kepada pembentukan retorik yang menyebabkan timbulnya peribahasa kerana ilmu *Balaghah* mempunyai keindahan gaya bahasanya yang tersendiri.

Gaya bahasa yang dimaksudkan di atas ialah gaya bahasa metafora kerana menurut Sari (2015) metafora merupakan salah satu bentuk gaya bahasa. Penggunaan metafora bertujuan untuk mengungkapkan satu makna dengan penekanan pada kesan yang akan ditimbulkan. Pemilihan penggunaan metafora didasarkan pada kemampuan ungkapan metaforis yang dapat mengungkapkan makna dengan penuh erti secara tersirat. Dengan metafora, kedalaman makna dapat disampaikan di mana hal tersebut tidak mampu diungkapkan dengan penggunaan satuan bahasa formal atau bahasa yang sudah baku. Metafora ini digunakan untuk mengungkapkan makna makna yang berbeza dengan kata yang digunakan.

Oleh itu, ilmu *Balaghah* yang akan menjadi asbab dalam kajian ini ialah ilmu *al-isti'arah*. Dengan menggunakan novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi sebagai bahan kajian untuk mendapatkan data kajian, maka jenis-jenis *al-isti'arah* iaitu *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* akan dikeluarkan melalui kisah-kisah yang terdapat di dalamnya. Kemuncaknya, kajian ini akan mengimplikasikan ayat-ayat dalam novel tersebut dengan melihat jenis-jenis *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* padanya.

Dalam bab ini, pengkaji akan mengesan unsur *al-isti'arah* yang terdapat dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi. Unsur *al-isti'arah* tersebut merupakan satu



ungkapan yang menunjukkan unsur *Tasybih* tetapi dibuang salah satu dari rukun utamanya iaitu *musyabbah* atau *musyabbah bih*. Melalui kajian ini, pengkaji akan melihat keberkesanan pendekatan yang dipilih dalam menyampaikan tema yang diinginkan dan menjadikan kajian ini menarik untuk dibaca sehingga pengkaji mengambil novel *al-Zikrayat* 'Ali al-Tantawi ini sebagai bahan kajian.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif-objektif kajian seperti berikut:

- 1) Mengenalpasti kategori - kategori *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* yang terdapat dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi.
- 2) Menzahirkan makna tersirat dalam penggunaan *al-isti'arah* oleh 'Ali al - Tantawi dalam novel *al-Zikrayat*.
- 3) Menganalisis perbezaan antara *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian, terdapat tiga persoalan kajian, iaitu:

- 1) Apakah kategori-kategori *al-isti'arah* yang terdapat dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi?




- 2) Apakah makna tersirat dalam *al-isti'arah* yang ingin disampaikan dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi?
- 3) Adakah perbezaan antara *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi adalah perbezaan bertentangan?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual penting dalam sesuatu kajian kerana kerangka merupakan suatu peta. Jika tiada kerangka dalam sesuatu kajian, maka kajian tidak dapat dijangka dengan sendiri. Ia merupakan garis panduan dalam menjalankan sesuatu kajian. Selain itu juga, kerangka ini dibina kerana salah satunya supaya pelajar tidak akan tergelincir dari salah satu yang ditetapkan.

Kerangka konseptual kajian ini juga menjelaskan kepada *al-isti'arah* yang menggunakan novel *al-Zikrayat* 'Ali al-Tantawi berdasarkan *Teori Relevan*. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menjawab persoalan kajian iaitu (1) mengenalpasti kategori - kategori *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* yang terdapat dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi, (2) menzahirkan makna tersirat dalam penggunaan *al-isti'arah* oleh 'Ali al - Tantawi dalam novel *al-Zikrayat*, (3) menganalisis perbezaan antara *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi.

Berikut merupakan kerangka konseptual dalam kajian ini:



Rajah 1.6. Kerangka Konseptual Kajian

Garis panduan ini adalah menggunakan novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al-Tantawi. Novel ini merupakan suatu teks yang dibentangkan dalam bentuk prosa, makna kiasan, penceritaan dalam kehidupan pengarang novel tersebut atau kehidupan masyarakat. Penggunaan makna kiasan dalam novel ini memberi impak yang besar dalam pemerhatian pembaca dalam memahaminya.

Al-isti'arah ini dianalisis menggunakan novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al-Tantawi bertujuan untuk mengenalpasti jenis *al-isti'arah* yang terdapat dalam novel tersebut. Hampir setiap helaian dalam novel tersebut menggunakan gaya *al-isti'arah* kerana pengarang novel tersebut menceritakan kisah kehidupan beliau dengan kehidupan sekelilingnya. Penggunaan gaya Bahasa beliau dalam novel tersebut amat tinggi dan memerlukan pemahaman yang jelas untuk memahami setiap struktur ayat yang digunakan oleh beliau.

Al-isti'arah merupakan sebuah ungkapan yang berunsur *Tasybih* tetapi telah dibuang salah satu daripada rukunnya iaitu *musyabbah* dan *musyabbah bih*. *Musyabbah* telah digugurkan dalam ayat *al-isti'arah al-tasrihiyyah*, manakala *musyabbah bih* telah digugurkan terus dalam ayat *al-isti'arah al-makniyyah* dengan wujudnya *lazim musyabbah bih* padanya. *Al-isti'arah* juga merupakan Bahasa pinjaman yang digunakan bukan terletak pada makna asalnya tetapi ia mempunyai makna yang hampir sama dengan Bahasa tersebut untuk difahami. Demikian itu, dengan mengenalpasti jenis *al-isti'arah* tersebut, pengkaji hanya menganalisis *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* sahaja dalam novel tersebut kerana didapati kedua-dua *al-isti'arah* tersebut banyak digunakan oleh 'Ali al - Tantawi.

Garis panduan ini juga berasaskan makna tersirat dalam penggunaan *al-isti'arah* oleh 'Ali al - Tantawi dalam novel tersebut. Penggunaan *al-isti'arah* ini dapat menguatkan lagi makna yang terdapat dalam sesebuah teks supaya dapat mendalami setiap makna tersirat yang digunakan. Selain itu juga, *al-isti'arah* mempunyai nilai seninya yang tersendiri dalam membuat perumpamaan supaya maksud yang ingin disampaikan itu sampai ke hati dan sanubari pembaca. Seperti dalam perbincangan Ashiqin (2015) yang menyatakan bahawa *al-isti'arah* merupakan suatu unsur perbandingan yang tinggi nilainya dan boleh nenawan hati, jiwa dan pemikiran manusia. Perkara ini benar kerana apabila pembaca meneliti setiap ayat yang mempunyai makna kiasan, ia dapat menarik jiwa pendengar dalam membacanya justeru mampu membuka minda pembaca untuk berfikir makna asalnya dengan pemikiran yang lebih tinggi.

Seterusnya, kajian ini menggunakan *Teori Relevan* yang dapat menyingkap makna tersirat yang digunakan dalam novel tersebut. Teori ini membantu pengkaji dalam memahami setiap mesej yang disampaikan oleh penutur tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengarnya. Dalam hal ini, konteks memainkan peranan kerana konteks merupakan sub gagasan yang dapat disesuaikan dengan pelbagai makna yang ingin disampaikan. Konteks ini penting supaya dapat dianalisis perbezaan *al-isti'arah* tersebut mengikut gaya bahasa masing-masing.

Dalam menganalisis perbezaan antara *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah makniyyah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi, pengkaji mampu membezakan makna tersirat yang digunakan dalam novel tersebut. Pengkaji menganalisis enam *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan enam bagi *al-isti'arah al-makniyyah*. Perkara ini dapat memberi pemahaman yang jelas kepada pengkaji dalam

memahami makna asal ayat tersirat berikut. Selain itu, pengkaji juga menyenaraikan dan menyemak bilangan *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* yang terdapat dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi.

Kajian ini memfokuskan kepada *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* yang terdapat dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi. Dengan adanya kaedah kajian ini, ia dapat membantu masyarakat dalam menerapkan lagi ilmu pengetahuan mengenai penggunaan makna kiasan ini dan berkemungkinan mereka mampu memperluaskan lagi penggunaan makna kiasan tersebut walau di mana sahaja kerana makna kiasan penting untuk difahami oleh setiap individu.

1.7 Definisi Pengoperasian

Bahagian ini mengemukakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Ini bertujuan untuk membolehkan pengkaji mendapatkan kefahaman dan pengertian makna pada setiap sesuatu yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengemukakan beberapa pandangan terhadap istilah-istilah yang digunakan dan pada akhirnya, pengkaji akan menyimpulkan definisi yang digunakan dalam kajian ini.

1.7.1 *Al-isti'arah*

Al-isti'arah merupakan suatu bahagian majaz lughawi, *al-isti'arah* adalah *Tasybih* yang dibuang salah satu *Tharafnya*. Oleh kerana itu hubungan antara makna hakiki dan

makna majazi adalah *musyabbah* selamanya. Nilai *Tasybih* dalam *Balaghah* terdapat pada dua segi, iaitu pada penyusunan kata-katanya dan pada pembuatan *musyabbah bih* yang jauh dari jangkauan hati kecuali hati yang berjiwa seni, yang dianugerahi Allah dengan bakat sastera yang normal untuk mengenal aspek-aspek keserupaan beberapa hal secara terperinci. Sedangkan rahsia keindahan *al-isti'arah* dalam *Balaghah* tidak lebih dari kedua segi itu. Nilai *al-isti'arah* dari segi lafaznya adalah bahawa susunan kalimatnya seakan-akan tidak mengindahkan *Tasybih*, namun mengharuskan kita untuk mengkhayal makna yang tersembunyi dari kalimat tersebut (Purdi, 2016).

Al-isti'arah merupakan salah satu elemen daripada ilmu *al-Bayan*. *Al-isti'arah* dari sudut bahasa bermaksud peminjaman, yang berasal daripada perkataan *al-ariyah* (Ibnu Manzur, 1968: 618). *Al-isti'arah* dari sudut istilah pula ialah penggunaan perkataan bukan pada makna asalnya kerana wujud hubungan *musyabahah* (saling menyerupai) antara makna asal dengan makna kiasan dan disertai dengan *Qarinah* (penanda) yang menghalang penggunaan makna asal (Al-Hashimi, 1999: 258). Ini dapat dijelaskan melalui contoh berikut: رأيتُ أسدًا في المدرسة. Terjemahan: Saya melihat singa di sekolah. Menurut Nabilah dan Suhaila (2020) pada contoh di atas, terdapat perkataan yang digunakan secara *Majazi* atau kiasan, iaitu pada perkataan singa.

Melihat kepada penguguran *mushabbah* atau *mushabbah bih*, *al-isti'arah* dibahagikan kepada dua jenis, iaitu *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* (Ahmad Qasim & Muhyi al-Din, 2003: 198). *Al-isti'arah al-tasrihiyyah* ialah *al-isti'arah* yang dinyatakan *mushabbah bih* dan digugurkan *mushabbah*, manakala *al-isti'arah al-makniyyah* ialah *al-isti'arah* yang dinyatakan *mushabbah* dan

digugurkan *mushabbah bih*, dan sebagai isyarat ditetapkan salah satu sifat khas bagi *mushabbah bih* yang digugurkan itu (Nabilah & Suhaila, 2020).

Kajian ini menggunakan salah satu aspek hubungan dalam bahasa Arab iaitu *al-isti'arah*. *Al-isti'arah* yang dikaji ini merupakan sebahagian daripada ilmu *Balaghah*. Menurut al-Rummaniy (295 H–384 H / 908 M–994 M), *Balaghah* ialah menyampaikan sesuatu maksud ke dalam hati sanubari pendengar dengan cara dan ungkapan yang terbaik.

Hubungan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah perbezaan antara *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al-Tantawi. *Al-isti'arah al-makniyyah* dan *al-isti'arah al-tasrihiyyah* banyak diguna pakai dalam kitab, rujukan jurnal dan kajian lepas. Pengkaji juga memilih *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dalam kajian ini kerana dua jenis *al-isti'arah* ini mudah untuk difahami maknanya yang tersirat.

Al-isti'arah merupakan sebuah komponen ilmu *Bayan* dalam *Balaghah* Arab dan ia adalah salah satu cabang ilmu yang menyumbang kepada kemukjizatan al-Quran khususnya dalam konteks gaya bahasa. Penggunaan *Al-isti'arah* ini boleh diperkuatkan makna yang terkandung di dalam sesebuah teks iaitu untuk mendalami dan memahami makna yang tersirat. *Al-isti'arah* mempunyai nilai seninya yang tinggi dalam membuat perumpamaan kerana ia memerlukan pemerhatian yang teliti dalam penggunaannya supaya makna yang ingin disampaikan tepat dan menyentuh hati pendengar atau pembaca (Ashiqin, 2015).

Menurut Sarinaz dan Hasan (2017) telah disebutkan dalam kamus *al-Wasit* bahawa *al-isti'arah* dalam ilmu *Bayan* adalah penggunaan kata lain dan bukannya

hubungan yang serupa dengan bukti yang menunjukkan keberanian. Dalam kitab *Balaghah* jelas disebutkan bahawa *al-isti'arah* adalah sebuah perumpamaan yang dibuang salah satu daripadanya.

Sehubungan dengan itu, ahli ulama' bahasa moden membahagikan *al-isti'arah* kepada empat bahagian (Sarinaz & Hasan, 2017), iaitu:

- i. *Al-isti'arah al-mujassimah* (Anthropomorphic) atau *ta'nis* iaitu yang mengaitkan ciri-ciri manusia dengan manusia yang lain.
- ii. *Al-isti'arah al-madiyah* (Concretive) iaitu sesuatu bahan yang disampaikan itu kekal.
- iii. *Al-isti'arah al-baisyah lil hayat* (Animistic) iaitu yang menunjukkan ciri-ciri penting bagi apa yang tidak hidup.
- iv. *Al-isti'arah al-naqliyah al-hissiyyah* (Syn Aesthetic) iaitu sesuatu yang dipindahkan makna dari satu domain yang ditentukan kepada domain makna yang lain.

Pengertian *al-isti'arah* dari sudut bahasa oleh Ashiqin (2015) ialah pinjaman, iaitu memindahkan sesuatu daripada seseorang kepada individu lain. Ia juga bermaksud mengangkat dan mengubah (mengalih), contohnya ayat: (اسْتَعَارَ فُلَانٌ سَهْمًا مِنْ كِنَانَتِهِ) bermaksud: "Si fulan mengangkat dan mengalihkan anak panah daripada sarungnya (uncang kulit untuk menyimpan anak panah)".

Namun *al-isti'arah* dari segi istilah oleh Eliza, Raihan, Anida dan Zulazhan (2018) mentakrifkan *al-isti'arah* merupakan *Majas* dari segi penggunaan bahasa dan merupakan (تشبيه) *tasybih* yang hanya mempunyai salah satu daripada dua rukun utama,



iaitu lafaz bandingan (مشبهه) *musyabbah* dan lafaz yang dibandingkan (به مشبهه) *musyabbah bih*. Pada masa yang sama digugurkan sifat (وجه الشبهه) *wajh al-syabah* bagi (أداة التشبيهه) *musyabbah* dan (مشبهه به) *musyabbah bih* dan medium perbandingan (أداة التشبيهه) *adat al-tasybih*. Oleh yang demikian, (تشبيهه) *tasybih* merupakan asas kepada *al-isti'arah* dan *al-isti'arah* pula merupakan cabang kepada *tasybih*.

Menurut Mohamad et al. (2016) menyatakan bahawa *al-isti'arah* merupakan (تشبيهه) *tasybih baligh* yang digugurkan salah satu daripada dua tonggak asas (تشبيهه) *tasybih* iaitu (مشبهه) *musyabbah* atau (مشبهه به) *musyabbah bih*. Penjelasan mengenainya

boleh dijelaskan melalui contoh berikut: Sabda Rasulullah S.A.W.:

(الإيمان بضع وستون شعبة) (*Al-Bukhari, 1999, hadith 8*)

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1996:886), *al-isti'arah* itu boleh merujuk kepada “metafora” iaitu pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan berkenaan.

Menurut Asfahani dan Raghieb (1997) berpendapat bahawa *al-isti'arah* membawa makna meminta sesuatu dengan terbuka, dan dipindahkan pemilikannya kepada pemilik yang lain. Dan pembinaan makna ini diakhiri dengan kewujudan *al-isti'arah* dalam ilmu *Bayan*. Kajian ini disokong lagi dengan pandangan Taufik (2015) yang mengatakan bahawa *al-isti'arah* merupakan suatu permintaan yang bersifat terbuka dan ayat yang digunakan menjadi suatu kiasan daripada makna asal.



Menurut Mohamad et al. (2016) menyatakan bahawa *al-isti'arah* dari segi bahasa ialah meminjamkan wang apabila dimintanya di tempat yang terbuka. Dari segi istilah pula ialah menggunakan lafaz pada bukan tempatnya untuk hubungan yang sama diantara makna (المنقول عنه والمعنى المستعمل فيه) '*al-Manqul anhu wal ma'na al-musta'mal fihi*' beserta bukti yang kukuh berdasarkan makna asal yang dikehendaki. *Al-isti'arah* ini tidak lain tidak bukan, dia hanyalah analogi semata-mata. Contohnya: (رأيت الأسد في (المدرسة) Saya nampak singa di sekolah, tetapi pada hakikat makna asalnya ialah:

(رأيت الرجل يئن كالأسد في المدرسة)

"Saya nampak seorang lelaki sedang meraung seperti singa di sekolah". Namun kajian ini disokong lagi dengan kenyataan Indah (2015) yang berpendapat bahawa *al-isti'arah* merupakan ayat pinjaman daripada yang betul menjadi ayat yang sebaliknya.

Manakala menurut Fitri (2015) dalam kajiannya mengatakan bahawa *al-isti'arah* adalah *tasybih* (تشبيه) yang dibuang salah satu *tharaihnya* "*musyabbah/musyabbah bih*" (مشبه/مشبه به) . Sehingga hubungan antara makna hakiki dan makna majazi selalu *musyabbah* (saling menyerupai).

Pernyataan di atas disokong apabila 'Ibn Manzur (1968) sendiri mendefinisikan *al-isti'arah* merupakan maksud pinjaman. Oleh itu, *al-isti'arah* ialah sesuatu lafaz yang bukan terletak pada tempatnya. Kerana hal ini menggunakan bahasa kiasan dalam pertuturan. Bahasa yang digunakan ialah menggunakan bahasa kiasan ataupun sindiran, akan tetapi ia mempunyai keindahan makna dalam gaya bahasanya. *Al-isti'arah* juga

merupakan satu pinjaman perkataan dari perkataan yang betul bertukar kepada perkataan sindiran atau kiasan.

Berdasarkan penelitian, dapatlah disimpulkan bahawa (أسلوب الاستعارة) *uslub al-isti'arah* itu sendiri berasal daripada (تشبيه) *tasybih* dan sememangnya ia mempunyai unsur-unsur perbandingan. Walaubagaimanapun, *al-isti'arah* ini mempunyai cara perbandingan yang berbeza. Pada dasarnya, perkataan yang diungkapkan dalam sebuah ayat atau perkataan dalam *al-isti'arah* bukanlah makna sebenar perkataan tersebut.

1.7.2 Teori Relevan

Wong (2013) menyatakan bahawa *Teori Relevan* diasaskan oleh Dan Sperber dan Deidre Wilson pada tahun 1986 melalui buku '*Relevance Communication and Cognition* (1986). Seterusnya, pragmatik memainkan peranan yang sangat penting dalam komunikasi lisan (Sperber & Wilson, 1986).

Teori Relevan adalah satu teori komunikasi yang dihasilkan oleh Sperber dan Wilson dalam (Gutt, 1992). Teori ini menekankan kerelevanan sesuatu ujaran dengan menggunakan pendekatan konteks dan kesan konteks. Definisi *Teori Relevan* ialah semakin relevan ujaran itu, semakin sedikit usaha memproses yang digunakan maka semakin relevanlah sesuatu ujaran itu (Hashimah, 1992).

Menurut Hasmidar (2016) kajian ini didasari oleh *Teori Relevan* yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan diperkemas pada tahun 1995.

Matlamat teori ini adalah untuk menjelaskan ciri proses mental yang terlibat dalam penginterpretasian ujaran atau pun maklumat.

Menurut Saemah dan Fatimah (2020) *Teori Relevan* merupakan salah satu teori dalam bidang ilmu pragmatik yang mengkaji bidang bahasa dan penggunaannya. Chomsky (1980), telah memperkenalkan istilah kecekapan pragmatik yang merujuk kepada pengetahuan bagaimana bahasa digunakan mengikut konteks yang bersesuaian. Kecekapan pragmatik meletakkan bahasa dalam persekitaran penggunaannya. Secara asasnya, *Teori Relevan* merupakan suatu andaian yang dibuat oleh pendengar atau penerima maklumat berkaitan sesuatu konteks bagi menimbulkan maksud. Hal ini menjelaskan *Teori Relevan* yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1986) berdasarkan idea bahawa komunikasi bergantung pada kognitif. Keberlangsungan komunikasi berjalan seiring dengan bagaimana prinsip relevansi ini dimanfaatkan.

Selain itu, *Teori Relevan* diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan teori ini menekankan pentingnya kerelevanan dalam sesuatu ujaran/komunikasi lisan, kesan poetik, dimensi penggunaan bahasa dari segi deskriptif dan interpretif, ujian literal, metafora, ujaran gema, ironi dan juga pertuturan (Monica & Fatimah, 2018). Seperti yang telah diperkatakan di atas, teori ini lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur dan pendengar. Selain itu, penutur seharusnya dapat menjamin yang diperbual itu betul-betul relevan serta sesuai untuk difahami oleh pendengar. Dengan kata lain, penutur dapat memastikan yang diperkata itu mempunyai ciri relevan yang optimal.

1.7.3 Kesusasteraan

Menurut Nazri, Saipolbarin, Zamri, dan Zubir (2020) kesusasteraan merupakan pancaran pemikiran yang dihasilkan oleh sesuatu bangsa sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis. Perkara ini membawa kepada lahirnya karya novel Arab. Kebanyakan kesusasteraan Arab Jahiliah bersangkut paut tentang beberapa perkara seperti kehidupan masyarakat, agama dan pemikiran (Kamis, Khazri, Zulkifli, & Kamarul, 2018). Justeru perkara ini menyebabkan berlakunya kewujudan novel, puisi, sajak dan cerpen Arab untuk menampakkan keunikan sastera Arab itu tersendiri dan sastera Arab ini banyak memberi pengaruh yang moral kepada orang Arab.

Kesusasteraan Arab (Bahasa Arab: الأدب العربي, ALA-LC: *al-Adab al-'Arab ī*)

ialah penulisan, dalam bentuk prosa atau puisi, yang dihasilkan dalam bahasa Arab . Perkataan Arab yang digunakan untuk kesusasteraan ialah "adab", yang menggambarkan kesopanan, kebudayaan dan kekayaan budi bahasa. Kesusasteraan Arab muncul dalam abad ke-5 M dan hanya cebisan-cebisan tertulis yang terdapat sebelum waktu itu. Kitab al-Quran, yang dianggap luas sebagai karya sastera terunggul dalam bahasa Arab meninggalkan kesan terkuat terhadap kebudayaan Arab dan sasteranya. Kebudayaan Arab berkembang dalam Zaman Keemasan Islam dan masih subur sehingga ke hari ini, dengan puisi dan penulis bahasa Arab mengecap kejayaan (Jones, 2003).

Novel *'Ali al-Tantawi* telah menggambarkan kehidupan orang-orang Arab terdahulu sebagai imej yang bertepatan dengannya. Pengarang novel menggambarkan kehidupan dan perasaannya pada ketika dahulu di samping novel tersebut dikategorikan sebagai novel sastera Arab. Kesusasteraan ini wujud apabila orang-orang Arab telah

menggambarkan kehidupan mereka dalam penulisan. Dalam kesusasteraan Arab, terdapat dua bentuk kesusasteraan iaitu *al-Adab al-Wasfiy* dan *al-Adab al-Insya'i*.

1.7.3.1 *Al-Adab al-Wasf*

Al-Adab al-Wasf merupakan sastera deskriptif iaitu perbincangan tentang *qasidah* atau *risalah* secara deskriptif dan kritis. Oleh kerana itu, *al-Adab al-Wasf* ini terdiri daripada sejarah kesusasteraan, kritikan sastera dan teori sastera (Nazri, 2020). Sejarah kesusasteraan ini membincangkan tentang keadaan sastera dan perkembangannya, kritikan sastera menjelaskan kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam karya-karya *al-adab al-insyai* (Khafaji, 1986). Kritikan sastera ini merupakan sebuah pemikiran yang kuat terhadap pendapat dan memiliki pengetahuan yang mendalam berdasarkan pengetahuan dalam sastera.

Menurut Abboud (2012) sastera deskriptif adalah ilmu yang lama dan bukanlah ilmu menyeluruh bahkan ia merupakan ilmu sastera yang memberi kesan kepada kehidupan alam. Sastera ini tergolong dalam sejarah sastera kuno di semua negara yang mempunyai karya sastera dan peradaban yang makmur.

Maka, *al-Adab al-Wasf* merupakan proses untuk menyampaikan idea-idea karya sastera dan penggunaan idea tersebut dapat disumbangkan kepada para pembaca. *Al-Adab al-Wasf* merupakan sebuah idea pemikiran yang dihasilkan oleh penulis sama ada berbentuk lisan maupun tulisan. Pendekatan ini dapat membantu lagi pemahaman para pembaca.

1.7.3.2 *Al-Adab al-Insyai*

Menurut Nazri (2020) juga menjelaskan bahawa *al-Adab al-Insyai* merupakan sastera kreatif iaitu kesusasteraan yang diungkap dalam bentuk puisi ataupun prosa, tentang perasaan dan peristiwa berkaitan persekitaran sama ada secara intrinsik yang memberi kesan pada diri pengkarya, yang dapat digambarkan dalam perasaan, kecenderungan dan keinginan. Peranan persekitaran ini boleh juga secara ekstrinsik berdasarkan pengamatan pengkarya terhadap gunung, laut, langit, bintang, taman dan peristiwa yang pelbagai (Khafaji, 1986). *Al-Adab al-Insyai* ini merupakan karya sastera yang mempunyai dialog, plot dan watak yang dipersembahkan dalam penulisan sasterawan.

Al-Adab al-Insyai dinamakan sebagai sastera kekuatan, iaitu ucapan yang dibuat oleh pengarangnya dalam sistem prosa dan itu adalah hak sastera yang sejati. *Al-Adab al-Insyai* dipengaruhi oleh lingkungan dan masa iaitu cerminan masa dan persekitaran, perkembangannya dan di dalamnya ada cerita yang lama dan baru (Abboud, 2012).

Rumusannya, *al-Adab al-Insyai* merupakan proses ucapan yang dicipta oleh penulis berbentuk prosa dan penggunaan Bahasa prosa ini tinggi tetapi tidak membataskan pemahaman para pembaca. *Al-Adab al-Insyai* juga merupakan pendekatan yang dapat membantu tingkap pemikiran pembaca.

1.7.4 Pendekatan Intrinsik

Intrinsik adalah sesuatu unsur yang lahir daripada naskah sesebuah sastera itu sendiri. Intrinsik ini dikaji melalui tema sesebuah karya, plot, gaya bahasa yang digunakan dan pelbagai lagi. Karya kesusasteraan adalah sesuatu yang menarik dan



mempunyai estetik (Hanifah, 2004). Karya sastera mestilah bersinambungan dengan kehidupan dan ia mesti mempunyai kesan yang menyeluruh.

Sesuatu yang dianalisis dalam sesebuah karya sastera itu haruslah diterokai dengan ilmu dan pemikiran yang tajam untuk merungkai makna yang digunakan bagi memperjelaskan kehidupan dalam sesuatu karya. Segala unsur-unsur penggunaan gaya Bahasa dalam sesebuah teks diambil kira dalam pendekatan ini. Selain itu, karya ini juga penting untuk mengetahui tunjang utama setiap persoalan yang ingin ditampilkan dalam karya sastera. Demikian itu, gaya Bahasa juga dinilai untuk memahami keseluruhan karya dengan jelas. Justeru itu, bagi memahami sesebuah karya sastera, maka pendekatan intrinsik ini digunapakai.

Justeru, dalam kajian ini aspek intrinsik merupakan gaya Bahasa dalam kesusasteraan yang menepati dengan penggunaan makna kiasan dan hal ini boleh dirungkai oleh pembaca bagi memahami teks yang dibaca itu.

1.7.5 Prosa

Menurut Kartika (2018) prosa dalam kesusasteraan sering disebut juga dengan istilah fiksi. Kata prosa diambil dari Bahasa Inggeris, iaitu *prose*. Prosa atau fiksi memiliki erti sebuah karya naratif yang menceritakan sesuatu yang bersifat rekaan, khayalan, tidak berdasarkan kenyataan atau ia juga merupakan satu kenyataan yang lahir berdasarkan khayalan. Selain itu, prosa juga berunsurkan kepada cerita yang berbentuk dongeng, khayalan dan imaginasi.



Prosa dalam pengertian kesusasteraan juga disebut fiksi (*fiction*), teks naratif (*narrative text*) atau wacana naratif (*narrative discourse*). Sehingga istilah prosa atau fiksi atau teks naratif, atau wacana naratif bererti cerita rekaan (Hairuddin, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa fiksi selalu digunakan bagi menunjukkan penggunaan Bahasa yang bertentangan dengan realiti makna sebenar. Penceritaan yang terkandung dalam teks cerita sastra berunsurkan prosa merupakan cerita yang fantasi dan bukanlah kejadian yang nyata. Secara umumnya, prosa seringkali dikaitkan dengan cerita-cerita pendek atau novel. Oleh itu, para pembaca novel perlulah mengetahui struktur teks yang digunakan berbeza dengan makna asalnya.

Rumusannya, prosa dalam kesusasteraan seerti dengan fiksi (*fiction*), iaitu berbentuk teks naratif (*narrative text*) atau wacana naratif (*narrative discourse*). Novel dan cerita-cerita pendek berkait rapat dengan prosa ini kerana ia berbentuk cerita khayalan.

1.7.6 Semiotik

Perkataan semiotik sebenarnya berasal daripada perkataan Greek, iaitu daripada akar kata semeion, iaitu tanda atau *sign* yang membawa maksud sains umum yang mengkaji sistem perlambangan (de Saussure, 1983). Semiotik ini dapat dinyatakan dalam satu sistem dan menyatakan teks yang disampaikan yang berhubungan dengan komunikasi. Sesuatu pengucapan dan penciptaan dalam teks mestilah diteliti dari sudut komunikasi terlebih dahulu. Di samping itu, semiotik juga digunakan dalam memahami makna-makna tersirat

Menurut Mana Sikana (2001) semiotik dianggap sebagai teori yang penting dalam wacana bahasa dan sastera. Sejarahnya bermula daripada pemikiran *Ferdinand de Saussure* dan kemudiannya dikembangkan oleh *Charles Sanders Peirce* dalam memahami bahasa dan teks-teks sastera. Dasar utama semiotik adalah aspek *signification, signifier and signified*. Interpretasi dan kognitif semiotik dalam zaman moden mengarah kepada pencarian suatu makna. Pencarian satu makna ini telah berubah pada zaman pascamoden dengan menyatakan bahawa tanda mempunyai polimakna atau bersifat plural dan tidak tetap. Dalam dunia penuh dengan tanda-tanda terkini, semiotik sebagai kaedah pemaknaan sangat fungsional dalam wacana pembahasan dan kesusasteraan.

Rumusannya, semiotik merupakan sistem perlambangan dalam memahami komunikasi yang disampaikan dalam suatu teks. Selain itu juga, semiotik ini merupakan sistem yang tidak tetap dengan makna asal kiasan dalam teks. Hal ini kerana penggunaan makna kiasan itu bergantung kepada subjek penceritaan yang digunakan dan makna asal yang diterjemahkan bergantung juga kepada teks penceritaan itu.

1.7.7 Figuratif

Bahasa figuratif merujuk perkataan atau rangkai kata yang menunjukkan makna yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya, bersifat kiasan atau lambang dan lazimnya diolah sebagai bentuk bahasa kreatif (Kamus Dewan, 2007, p. 410). Oleh itu, penggunaan Bahasa figuratif merupakan satu penerapan elemen yang menarik kerana penulis berkomunikasi dengan pembaca menggunakan Bahasa yang tidak langsung. Aspek penulisan dalam penggunaan analogi ini dapat menonjolkan gaya

berbahasa individu yang akan dirujuk sebagai keperibadian kepengarangan seseorang pengkarya (Hamidah, 2012).

Menurut Norashikin, Azuwan, dan Zaitul (2017) bahasa figuratif merupakan bahasa yang mengandungi makna siratan, iaitu menyamakan sesuatu perkara dengan perkara yang lain secara tidak langsung. Justeru, makna siratan bererti makna yang terselindung, yang tersembunyi atau yang berada di sebaliknya. Selain itu, bahasa figuratif juga mengandungi unsur personifikasi dan penggunaan Bahasa ini bukan sahaja digunakan dalam karya sastera, malah dalam teks ucapan kerana penggunaan Bahasa figuratif dalam ucapan dilihat mampu menyelami pemikiran individu.

Bahasa figuratif (*figurative language*) menyebabkan karya sastera menarik perhatian, menimbulkan kesedaran, hidup, dan menimbulkan penjelasan angan.

Pemakaian Bahasa kiasan dapat menggambarkan sesuatu yang sama dengan yang lainnya. Bahasa figuratif sering digunakan dalam puisi dan novel. Oleh kerana bahasa figuratif itu merupakan bahasa makna kiasan, maka penulis ramai menggunakan Bahasa ini dalam penulisan mereka untuk membangunkan struktur puisi dan novel.

Kesimpulannya, bahasa figuratif berdasarkan kepada unsur imaginasi dan karya kesusasteraan yang disampaikan itu menarik perhatian pendengar dan pembaca kerana ia mempunyai unsur makna gaya bahasa kiasan.

1.7.8 Implisit

Menurut Chandra (2012) penyampaian makna implisit merupakan hal yang sangat penting untuk diperhatikan dalam proses penterjemahan. Penterjemahan makna implisit



dalam teks bahasa sumber menjadi eksplisit dalam bahasa sasaran penting dilakukan untuk menghindari terjadinya ketaksaan (keraguan) yang mengakibatkan pembaca mengalami kebingungan dalam memahami pesan yang ingin disampaikan oleh penutur aslinya. Makna yang ingin disampaikan mestilah memberi gambaran yang dekat dengan makna asalnya bagi memudahkan penterjemahan makna tersirat tersebut.

Komunikasi dengan makna implisit lebih sukar difahami kerana adanya unsur-unsur tersirat. Ajaibnya masyarakat Melayu masih boleh berkomunikasi dengan lancar meskipun menggunakan komunikasi tersirat. Dalam bahasa kiasan, ada dua bentuk komunikasi tersirat iaitu yang mudah dan kompleks (Afiqah & Hashimah, 2016). Makna implisit yang disampaikan ini hendaklah menggunakan bentuk komunikasi yang mudah difahami dan tidak melibatkan proses pemahaman yang tinggi.



gaya Bahasa kiasan dan makna implisit yang disampaikan itu berbentuk aspek yang mudah difahami oleh pembaca dan pendengar. Hasil interpretasi makna akan lebih bersifat saintifik serta dapat dipertanggungjawabkan. Hal ini ditekankan dalam bidang pragmatik. Manakala, proses inferens pula diterjemahkan melalui minda pembaca. Proses untuk melakukan inferens perlu dilakukan bagi mencari setiap andaian. Andaian-andaian yang tercetus akan difikirkan setelah memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan dengan pendekatan kualitatif. Kajian ini membataskan topik perbincangan yang berkisar tentang *al-isti'arah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi berdasarkan *Teori Relevan*. Kajian ini memfokuskan kepada *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* yang terdapat dalam novel tersebut. Dalam penelitian jenis-jenis *al-isti'arah* tersebut, para pembaca perlu merungkai dengan lebih mendalam lagi dalam mengesan makna asal gaya bahasa tersebut.

Walaupun pengetahuan tentang *al-isti'arah* penting bagi sesetengah masyarakat, namun penguasaan dalam ilmu *al-isti'arah* ini masih tidak melayakkan mereka menjadi ahli penterjemahan makna kiasan kepada makna asal kerana belum tentu mereka dapat menterjemahkan makna asal itu dengan tepat. Oleh itu, pengetahuan berkaitan ilmu ini perlu lebih mendalam lagi dan harus diberi tumpuan kepada makna gaya bahasa sebenar dalam novel 'Ali al - Tantawi. *Al-isti'arah* selalu digunakan oleh pelbagai individu untuk dijadikan kajian. Seseorang individu mampu mengubah makna kiasan dalam sesuatu teks yang dikaji kepada makna asal mengikut kemahiran dan pemikiran mereka masing-masing mengikut makna yang sesuai dengan kebolehan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa *al-isti'arah* bukan hanya bergantung kepada tafsiran ulama', malah masyarakat Malaysia juga mampu menafsirkan makna sebenar penggunaan makna gaya bahasa kiasan yang digunakan dalam teks tertentu.

Seterusnya, tiga elemen penting berkaitan *al-isti'arah* dalam novel *al - Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi yang telah dibataskan dalam kajian ini ialah; (1) mengenalpasti kategori - kategori *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* yang terdapat dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi, (2) menzahirkan makna



tersirat dalam penggunaan *al-isti'arah* oleh 'Ali al - Tantawi dalam novel *al-Zikrayat*, (3) menganalisis perbezaan antara *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi. Ketiga-tiga elemen ini perlu diperkembangkan dan dimantapkan analisisnya untuk meningkatkan pengetahuan kepada individu yang membaca kajian ini. Pengetahuan mengenai elemen-elemen tersebut perlu ditafsirkan dalam bentuk yang mudah dan senang untuk difahami.

Dalam batasan kajian, pengkaji memfokuskan kepada pemilihan novel yang ingin dikaji. Novel dalam kajian ini terbatas kepada novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi. Kajian ini melibatkan Jilid Satu sahaja daripada lapan Jilid dalam novel tersebut. Pemilihan ini adalah berdasarkan kepada keperluan kajian yang ingin diterokai berdasarkan *al-isti'arah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi. Selain itu, kajian ini juga turut meneroka *Teori Relevan* bagi menyelesaikan masalah dalam memahami setiap ujaran makna supaya makna asal tersebut dapat diinterpretasi dengan tepat dan relevan. Justeru, pengkaji membataskan dalam Jilid Satu itu kepada 31 subtopik bagi memenuhi pencapaian data pengkaji.

Disamping itu juga, daripada lapan jenis *al-isti'arah*, pengkaji hanya menggunakan dua jenis *al-isti'arah* sahaja iaitu *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah*. Kajian ini dibataskan dengan dua jenis tersebut sahaja secara terperinci melalui kajian dalam novel 'Ali al - Tantawi tersebut dan perkara ini menyentuh tentang teori yang serupa dengannya. Jenis-jenis *Balaghah* yang lain dijadikan sebagai rujukan untuk menambahkan lagi makna dan perbezaan ayat dalam novel tersebut.





Justeru, pemilihan kajian kepustakaan dijadikan bahan rujukan dalam menjalankan penyelidikan kerana ia dapat memudahkan pengkaji mendapatkan data dan bahan maklumat berdasarkan topik kajian yang telah dikaji kerana pemilihan kajian kepustakaan ini merupakan tempat saliran yang baik dalam mendapatkan data kajian.

1.9 Kepentingan Kajian

Sesebuah karya sastera sewajarnya mengungkapkan kebenaran tanpa diselidungi atau dipalsukan kenyataan dan kebenarannya. Hal ini demikian agar pembaca menyedari bahawa fenomena ini wujud dalam masyarakat dan masih ada insan yang prihatin untuk memperkatakan dalam wacana yang tersendiri (Nursham, 2015). Apabila meneliti novel kajian ini, terdapat banyak *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dalamnya. Hal ini sewajarnya dititikberatkan supaya kepelbagaian bahasa ini dikongsi bersama-sama oleh masyarakat mahupun orang muda. Kecantikan bahasa yang terdapat dalam novel ini amatlah menarik minat seseorang individu semasa pembacaannya kerana *al-isti'arah* mengandungi keunikan bahasanya yang tersendiri.

Al-isti'arah merupakan salah satu daripada aspek yang penting dalam ilmu *Balaghah*. Ilmu ini banyak memberikan penekanan kepada pelbagai aspek iaitu pengucapan yang samar atau jelas, perkataan yang sesuai dengan makna dan tepat dengan keadaan si pendengar. Secara analoginya, ilmu ini bergantung kepada penelitian yang mendalam terhadap sesuatu gaya bahasa yang diungkapkan oleh penutur yang melibatkan perkataan, makna disebalik perkataan serta pemilihan perkataan dan gaya bahasa yang bersesuaian mengikut keadaan dan tahap pemikiran pendengar.





Di samping itu, kajian sebelum ini banyak mendatangkan faedah dan memberi kefahaman yang terperinci kepada para pembaca dan para pengkaji akan datang. Tetapi kajian-kajian tersebut masih belum mencukupi untuk dijadikan sumber rujukan kepada para pembaca dan para pengkaji akan datang kerana masih banyak lagi aspek yang masih belum di cungkikan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa kajian ini penting untuk dijalankan kerana kajian ini memfokuskan kepada gaya bahasa *al-isti'arah* dalam teks sastera khususnya novel daripada pengarang Arab .

Justeru, tajuk kajian ini penting untuk dikaji berasaskan kepada pernyataan bahawa sepanjang pemerhatian masih kurang yang mengkaji *al-isti'arah* dengan berpandukan novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi. Apabila wujudnya pernyataan sebegini, para pembaca di masa akan datang bakal mengembangkan lagi tajuk kajian ini dengan lebih terperinci dan meluas. *Al-isti'arah* merupakan nadi ilmu bagi ilmu *Balaghah*. Sekiranya kita menguasai ilmu *al-isti'arah* dengan baik, seolah-olah kita sudah memahami ilmu *Balaghah* secara keseluruhannya. Seterusnya *Balaghah* juga ialah sebuah kematangan penutur dalam menyampaikan pelbagai maksud dengan ciri-ciri yang sempurna dalam susunan kata yang sesuai (al-Sakkaky, 555 H - 626 H).

Selain itu, kajian ini juga penting dijalankan untuk meninjau sejauh manakah perbezaan *al-isti'arah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi menunjukkan kehebatan ulama' tersebut dalam mengarang novel. Hal ini bertujuan untuk kita melihat perbezaan penulis novel ini dengan penulis novel yang lain. Dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi mengandungi banyak unsur-unsur *balaghah*. Terutamanya ialah *al-isti'arah*. Kecantikan dan keindahan gaya bahasa *al-isti'arah* dipaparkan dengan seni pertuturan dan penulisan tersebut. Selain itu, menurut Hilal dan Askariy (1404H / 1984 M), *Balaghah* ialah setiap sesuatu yang boleh menyampaikan maksud ke dalam



hati sanubari pendengar, maka pendengar itu menjadi yakin sebagaimana keyakinan yang dimiliki oleh penyampai itu sendiri dengan cara yang boleh diterima serta penampilan yang baik.

Seterusnya, pentingnya kajian ini kerana dengan memahami perbezaan *al-isti'arah* dalam novel, kita akan mendapat banyak pengetahuan. *Al-isti'arah 'al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* ialah jenis yang berbeza. Oleh yang demikian, jika pembaca memahami maksud dan mengetahui perkataan tersebut dengan jelas, pembaca akan mengkaji tentang *al-isti'arah* dengan menggunakan novel-novel karyawan sastera yang lain. Hal ini dapat membantu mengembangkan lagi kajian-kajian yang terdapat dalam novel pada generasi yang akan datang. Di samping itu juga, ia mampu memberi makna kepada setiap pembaca supaya tertarik dengan pembacaan tersebut.

Akhir sekali, gaya bahasa yang terdapat dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - *Tantawi* memberikan makna yang sempurna kepada pembaca kerana bahasanya banyak memberi pengajaran. Dengan menggunakan gaya bahasa dalam novel tersebut, mungkin pembaca dapat menghuraikan satu persatu maksud gaya bahasa tersebut. Keindahan gaya bahasa boleh digunakan untuk dijadikan pengajaran, kajian mahupun rujukan dalam penulisan. Pada gaya bahasa yang sangat tinggi bahasanya ialah *al-isti'arah*. Ramai pengkaji yang menyatakan bahawa *al-isti'arah* merupakan bahasa yang sangat mudah untuk difahami. Oleh yang demikian, bahasa Arab menjadi bahasa syurga yang boleh difahami maksud dan maknanya sekiranya kita mendalami ilmu *Balaghah* dengan betul.

1.10 Rumusan

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau sejauh manakah perbezaan *al-isti'arah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi menunjukkan kehebatan ulama' tersebut dalam mengarang novel. Perbezaan *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* tersebut dapat memberi kefahaman kepada para pembaca akan datang dalam memahami setiap makna *al-isti'arah* tersebut.

Berdasarkan kajian dalam bab ini, *al-isti'arah* merupakan gaya bahasa kiasan ataupun sindiran. *Al-isti'arah* juga merupakan keindahan gaya bahasa metafora. Ungkapan yang disebut adalah untuk menyatakan perbandingan tanpa meletakkan penghubung. Penggunaan *al-isti'arah* tidaklah terbatas di dalam struktur ayat sahaja, tetapi ianya digunakan dengan lebih luas dan mendalam. Didapati banyak *al-isti'arah* yang terdapat dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi melalui penulisan beliau. Kajian ini dikaji untuk mempelbagaikan kajian-kajian yang ada, memandangkan kajian berdasarkan novel tersebut belum dikaji oleh pengkaji yang lain.

Selain itu, kajian ini juga menggunakan *Teori Relevan* yang menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami oleh penutur dan pendengar. Penutur (dalam terjemahan dipanggil penulis teks sumber) seharusnya menjamin apa yang dibualkan benar-benar relevan dan mudah difahami memahamkan pendengar (dalam terjemahan dipanggil pembaca kedua), ujar (Fauzi, 2002). Perkara ini dapat memproses ujaran, pendengar berusaha untuk mencapai kesan kognitif yang mencukupi bagi menarik perhatian pendengar dan tidak memerlukan pendengar berusaha lebih untuk mencapai kesan yang dimaksudkan.



Oleh itu, kajian ini juga membincangkan berkaitan *al-isti'arah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi serta menyentuh tentang konsep *Balaghah* yang digunakan dalam kajian ini yang memberi fokus kepada aspek-aspek penting dalam perbincangan kajian. Selain itu, kajian ini juga membincangkan tentang perbezaan pandangan yang telah dikemukakan oleh tokoh *Balaghah* Arab. Seterusnya kajian ini membincangkan mengenai perbandingan antara *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dalam penggunaan novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi mengenai ilmu *Balaghah*.

Kesimpulannya, kajian ini menggunakan *Teori Relevan* yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986) dan teori ini menekankan pentingnya korelevanan dalam sesuatu ujaran/komunikasi lisan dan metafora bagi menjawab setiap persoalan masalah yang ada dalam kajian ini iaitu mengenalpasti kategori - kategori *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah*, menzahirkan makna tersirat dalam penggunaan *al-isti'arah* dan seterusnya menganalisis perbezaan antara *al-isti'arah al-tasrihiyyah* dan *al-isti'arah al-makniyyah* dalam novel *al-Zikrayat* karya 'Ali al - Tantawi.

